

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA AIR SELANGOR**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penstrukturran semula industri air Selangor berkenaan dengan penilaian bebas terhadap nilai syarikat SPLASH?
- b) Apakah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Selangor akibat daripada sebarang kelewatan dalam perkara ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : JAMBATAN KE 3 KLANG FASA 2**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah progres pembangunan projek?
- b) Berapa nilai projek?
- c) Adakah kerajaan telah menyiapkan tempat ganti warung MPK yang perlu dirobohkan bagi tujuan memberi laluan untuk projek ini diteruskan?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini projek ini adalah sedang dalam proses Pengambilan Balik Tanah (PBT) dan cadangan pengambilan ini telah dikemukakan pada Pejabat Daerah dan Tanah Klang untuk penilaian harta.
- b) Anggaran kos keseluruhan projek termasuk, kos pembinaan, kos Pengambilan Balik Tanah (PBT), kos pengalihan utiliti dan lain-lain kos yang terlibat adalah berjumlah RM390 juta. Anggaran kos ini diperolehi hasil daripada Makmal Pengurusan Kejuruteraan (*Value Engineering*) yang telah diadakan pada 19-21 April 2017.
- c) Kerajaan bersetuju untuk menggantikan warung MPK di kawasan baru yang telah dikenalpasti dan status terkini adalah dalam proses Pengambilan Balik Tanah (PBT) oleh Pejabat Daerah dan Tanah Klang. Kerja-kerja Pembinaan warung baru MPK ini hanya akan dilaksanakan semasa kerja-kerja pembinaan Jambatan Ke-3 Klang Fasa 2 diluluskan.

## MAKLUMAT TAMBAHAN


	<b>Fasa I</b>	<b>Fasa II</b>
<b>Tajuk Projek</b>	Membina Jambatan Ke-3 Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Menaiktaraf Jalan Penghubung Jambatan Ke-3 Klang Dari Persiaran Raja Muda Musa Ke Lebuhraya Selat Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan
<b>Status Pengambilan Balik Tanah (PBT)</b>	Selesai	Status terkini projek ini adalah sedang dalam proses Pengambilan Balik Tanah (PBT) dan cadangan pengambilan ini telah dikemukakan pada Pejabat Daerah dan Tanah Klang untuk penilaian harta.
<b>Profile Projek</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Konvensional Perunding - Vast Consultant Sdn Bhd</li> <li>2. Kontraktor - Cergas Murni Sdn Bhd</li> <li>3. Tarikh Mula Pembinaan - 17 Julai 2014</li> <li>4. Tarikh Siap Semasa - 15 Jun 2017</li> <li>5. Kos Kontrak Pembinaan - RM 225 juta</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Konvensional Perunding - Perunding Zaaba Sdn Bhd</li> <li>2. Kontraktor - Belum dilantik</li> <li>3. Tarikh Mula Pembinaan - Belum ditentukan</li> <li>4. Tempoh Pembinaan - 36 bulan</li> <li>5. Kos Kontrak Pembinaan - Belum ditentukan (Anggaran pembinaan berdasarkan VE - RM308 juta)</li> </ol>
<b>Skop Projek</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Panjang keseluruhan jajaran : 2525 m</li> <li>2. Bahagian Selatan - Menaiktaraf Jalan Sg. Bertih sepanjang 421 m dan pembinaan 1 persimpangan berlampa</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Panjang keseluruhan jajaran : 4400 m</li> <li>2. Segment 1 (Bahagian Selatan) - Menaiktaraf Jalan Sg. Bertih sepanjang 2.8 Km</li> <li>3. Pembinaan <i>elevated ramp</i></li> </ol>

	<p>isyarat di Jalan Sg. Bertih (di bawah <i>approach</i> Jambatan)</p> <p>3. Panjang keseluruhan struktur jambatan: 1247 m</p> <p>4. Bahagian Utara – Menaiktaraf jalan dan pembinaan jalan baru dari Jalan Tanjung Syawal ke Jalan Goh Hock Huat sepanjang 857 m serta pembinaan persimpangan berlampa</p> <p>1 isyarat di Jalan Goh Hock Huat</p>	<p>ke Persiaran Raja Muda Musa</p> <p>4. Persimpangan bertingkat (<i>elevated structure</i>) di persimpangan Teluk Pulai / Sg Udang</p> <p>5. Segment 2 (Bahagian Utara) – Membina <i>elevated ramp</i> dari Jln Tanjung Shawal ke Lebuhraya Selat Klang sepanjang 650 m</p>
--	---	--

## FASA I



## FASA II



## **Trafik Kapasiti**

Berdasarkan kajian trafik yang telah dijalankan, pembinaan keseluruhan projek Jambatan Ketiga Fasa I dan II ini akan menjadi satu alternatif bagi meredakan limpahan trafik di Jambatan Tengku Kelana dan Jambatan Musaeddin sediada. Merujuk kepada data yang diperolehi, jumlah isipadu trafik semasa di Jambatan Kota adalah mencecah sehingga 167,000 buah kenderaan sehari dengan *Level Of Services* (LoS) F pada waktu puncak manakala isipadu trafik bagi Jambatan Tengku Kelana sebanyak 44,000 buah kenderaan sehari.

Dengan pembinaan Jambatan Ketiga Klang ini bagi Fasa I & II, isipadu trafik yang tertumpu kepada kedua-dua buah jambatan tersebut akan berkurangan 20% bagi Jambatan Kota dan sebanyak 40% bagi Jambatan Musaeddin.

## **Traffic Management Plan (TMP)**

Kawalan lalu lintas dan prosedur keselamatan dalam pembinaan jalan dan jambatan adalah wajib sesuai dengan klausa JKR Arahan Teknik 1.20 (Penyelenggaraan jalan yang ada & Perlindungan lalu lintas) di JKR I SPJ I 1988. (Spesifikasi kerja Standard Road). Justeru, JKR telah melaksanakan Traffic Management Plan (TMP) sepanjang tempoh pembinaan supaya prosedur keselamatan dan gangguan trafik dapat dikawal.

Pelan pengurusan lalu lintas adalah penting untuk memastikan operasi rangkaian jalan raya yang lancar di tapak kerja dan keselamatan pengguna jalan raya / pekerja. Kontraktor perlu menyediakan pelan TMP dan laporan setiap suku tahunan TMP sepanjang tempoh pembinaan.

Biasanya, tapak pembinaan akan disediakan dengan papan tanda amaran terlebih dahulu sebelum kawasan kerja sebenar dimulakan. Sebagai contoh, jika lorong telah ditutup, anak panah berkedip besar boleh digunakan untuk memberi amaran kepada kenderaan awam untuk bergerak ke arah laluan yang telah ditentukan supaya tidak mengganggu kerja-kerja pembinaan.

## **Road Safety Audit (RSA)**

Audit Keselamatan Jalan (RSA) ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan rekabentuk jalan dan mengenalpasti jajaran jalan / jambatan yang akan mempengaruhi keselamatan pengguna jalanraya. Proses audit ini dilaksanakan dalam semua peringkat mulai dari peringkat rekabentuk sehingga projek siap

Terdapat 5 peringkat RSA yang perlu dilaksanakan bagi menilai keberkesanan rekabentuk iaitu:-

- a) Peringkat 1 (*Stage 1*) - Peringkat kajian kemungkinan (*Feasibility Study*)
- b) Peringkat 2 (*Stage 2*) - Peringkat kajian rekabentuk awalan (*Preliminary Design Stage*)
- c) Peringkat 3 (*Stage 3*) - Peringkat rekabentuk terperinci (*Detail Design Stage*)
- d) Peringkat 4 (*Stage 4*) - Peringkat pra pembukaan jalan dan pemantauan selepas pembinaan iaitu dalam tempoh 12 bulan dan 36 bulan)
- e) Peringkat 5 (*Stage 5*) - Peringkat audit keselamatan jalan di atas jalan sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI**  
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PRESTASI KAWANGAN DAN USAHA BAGI MENINGKATKAN JUMLAH  
KEMASUKAN PELAJAR KE UNISEL**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi pemasaran yang dilakukan pada tahun 2016 hingga 2017 bagi meningkatkan jumlah pelajar memasuki UNISEL?
- b) Apakah pendekatan terkini yang dilakukan bagi memperbaiki prestasi kewangan UNISEL?
- c) Nyatakan usaha proaktif yang dilakukan bagi menjadikan UNISEL sebagai Pusat Kecemerlangan (*Centre Of Excellence*).

**JAWAPAN:**

Bagi meningkatkan jumlah pelajar, UNISEL telah mempergiatkan lagi usaha pemasaran ke seluruh negeri khususnya di negeri Selangor. Strategi pemasaran yang paling utama pada tahun 2016 dan 2017 adalah bersifat “*dedicated marketing*” yang memberikan impak yang lebih berkesan dan dalam masa yang sama lebih menjimatkan kos. Meskipun sedar akan suasana persaingan yang sengit dengan lebih 20 Universiti Awam (UA) dan lebih 400 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), namun strategi ini dilihat berjaya meningkatkan jumlah pengambilan pelajar dan menyekat tren kemerosotan yang berlaku sejak tahun 2008. Program pemasaran yang bersifat “*dedicated marketing*” seperti mengadakan Bengkel Pemasaran bersama fakulti, pemasaran di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor dan Pusat-pusat Tiusyen di bawah Kerajaan Selangor, mengadakan kelas motivasi, Pameran Pendidikan yang dianjurkan oleh KPT, lawatan ke sekolah-sekolah terpilih dan sebagainya berjaya menarik minat pelajar untuk meneruskan pengajian di UNISEL.

Selain itu, inisiatif meningkatkan pelajar juga dilakukan melalui usaha meningkatkan imej universiti secara total sejak awal tahun 2016 dan diteruskan sehingga kini. Ini termasuklah melalui pelbagai program yang telah dianjurkan seperti Pameran Akademik UNISEL. UNISEL juga telah menganjurkan Hari Terbuka pada 20-22 Mei 2017 yang memberikan impak yang sangat besar. Bukti pada pengambilan pelajar 8 Julai 2017, buat pertama kali dalam sejarah pengambilan pelajar untuk semester pendek, pengambilan pelajar telah mencecah lebih 1,000 orang. Statistik kemasukan pelajar

untuk semester pendek sebelum ini tidak pernah melebihi 500 orang. Selepas melihat kesan yang positif daripada Hari Terbuka UNISEL ini, pihak pengurusan universiti telah memutuskan untuk mengadakan sekali lagi Hari Terbuka yang dijadualkan pada 25-27 Ogos 2017. Pelajar UNISEL keseluruhannya kini telah mencecah lebih 10 ribu orang.

Dalam masa yang sama, pemasaran juga diteruskan seperti sebelum ini, iaitu seperti melalui pengiklanan di papan-papan tanda/billboard, pengiklanan di radio, media sosial dan surat khabar khususnya Sinar Harian. Program-program CSR universiti juga diteruskan seperti yang dilakukan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar melalui Program CAKNA yang begitu aktif, hasilnya nama UNISEL semakin dikenali oleh masyarakat.

Bagi memastikan universiti ini terus berdaya saing, UNISEL juga telah mewujudkan *feeder* dengan memperkenalkan Skim Dermasiswa dan menubuhkan Smart Tahfiz di Kampus Bestari Jaya. Skim Dermasiswa merupakan Yuran Pengajian Secara Percuma yang diberikan kepada semua pelajar Tahun Asas. Melalui skim ini, pelajar diwajibkan untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat Sarjana Muda di UNISEL. Pada tahun 2016, seramai 117 pelajar mengambil skim ini, manakala bagi pengambilan Mei 2017 seramai 221 pelajar telah mengambil Skim Dermasiswa. Keseluruhan pelajar Dermasiswa kini berjumlah 338 orang dan dijangka terus meningkat pada pengambilan bulan September nanti. Pihak UNISEL mensasarkan seramai 1000 orang pelajar Tahun Asas pada tahun ini akan memilih Skim Dermasiswa. Skim ini memberi peluang pendidikan kepada semua pelajar di negara ini.

Manakala bagi program Smart Tahfiz Masjid UNISEL pula, Pelajar-pelajar tahfiz ini diberikan tuisyen untuk menduduki peperiksaan SPM. Kini terdapat seramai 60 orang pelajar yang akan mengambil SPM pada tahun ini. Mereka ini merupakan prospek UNISEL dalam usaha universiti ini untuk melahirkan Tahfiz yang profesional.

- a) UNISEL telah melakukan penstrukturkan semula bagi pembayaran hutang secara “*direct negotiation*”. Penjadualan semula pembayaran hutang ini dibuat secara berperingkat dan UNISEL komited terhadap semua hutang yang diwarisi.

Penjadualan semula hutang ini dijangka selesai menjelang bulan Ogos 2017. UNISEL berjaya menyelesaikan semua tunggakan hutang sejak dahulu. Hutang jangka panjang pula adalah melalui pembayaran berjadual oleh Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, UNISEL juga telah menjalankan langkah penjimatan yang drastik bagi mengurangkan kos perbelanjaan operasi termasuk mengeluarkan tender secara terbuka bagi kerja-kerja pembersihan di Kampus Bestari Jaya dan Shah Alam, penstrukturkan semula faedah

perubatan staf yang mana telah memberi banyak penjimatan kepada kos perubatan staf dan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisyen.

Pengurusan Universiti juga memperkenalkan tugas secara '*multitasking*' di mana staf harus melakukan beberapa kerja yang diarah bagi mengoptimumkan fungsi staf dan mengurangkan pengambilan staf baharu.

Melalui rasionalisasi fakulti yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 2016, UNISEL dapat membuat penjimatan di mana proses rasionalisasi yang menggabungkan lapan fakulti kepada empat fakulti sahaja dan dengan ini juga fakulti mengalami proses pengstrukturkan tenaga akademik. Ianya melibatkan pengurangan pengambilan tenaga pengajar luar untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini berjaya menjimatkan kos operasi dan mengoptimumkan penggunaan staf akademik.

Dengan beberapa langkah penjimatan yang diperkenalkan sejak awal tahun 2016, prestasi kewangan UNISEL telah menampakkan kesan yang positif apabila deraf audit bagi tahun 2016 menunjukkan perkembangan kewangan yang meyakinkan bahawa UNISEL mampu memperbaiki prestasi kewangannya.

- b) Universiti Selangor (UNISEL) telah berusia 17 tahun terus berusaha ke arah kecemerlangan; maka antara langkah bijak untuk menjadikan UNISEL sebagai universiti yang cemerlang dari segi akademik dan penyelidikan ialah dengan menubuhkan Pusat Kecemerlangan. Kebanyakan universiti-universiti utama di dunia mempunyai pusat seperti ini.

Pusat Kecemerlangan ditubuhkan bagi membantu melonjakkan nama UNISEL dalam semua bidang. Di bawah Pusat Kecemerlangan terdapat tujuh (7) institut iaitu :

- i. Institut Bio-IT Selangor (Bio-IT),
- ii. Institut Kajian Malaysia-Indonesia (IKMI),
- iii. Institut Maqasid Syariah (INSMAQ),
- iv. Institut Epistemologi Ilmu Islam dan Pembaharuan Kurikulum (IIECR),
- v. Institut Kejuruteraan Sukan (ISE),
- vi. Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi (IESAD) dan;
- vii. Institut Halal Antarabangsa.

Bagi Institut Bio-IT dan IKMI yang terlebih dahulu diwujudkan telah menjalankan pelbagai kerjasama dan aktiviti sehingga nama UNISEL telah dikenali di universiti-universiti luar negara seperti *University of Oxford*, *University of Cambridge*, *University of Manchester*, *University of Petra*, *King Abdullah University of Science and Technology*, Universiti Teknologi Bandung, Universiti Andalas dan lain-lain lagi.

Lima institut yang agak baru diwujudkan juga telah mula menjalankan aktivitinya yang tersendiri yang turut membantu meningkatkan nama UNISEL dalam kalangan masyarakat luar. Setiap institut turut merancang pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan pelajar, pensyarah dan masyarakat luar. Program-program yang sedang diatur akan menambah ilmu pengetahuan, memberi peluang menjalankan penyelidikan, melatih pelajar untuk berani memberikan pendapat dan sebagainya. Pendekatan program-program ini adalah “*contemporaneous*” sesuai dengan perubahan dan keperluan zaman.

- c) Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan sedang diatur oleh setiap institut bagi membantu UNISEL ke arah kecemerlangan.

### **INSTITUT MAQASID SYARIAH (INSMAQ)**

Sebagai sebuah institut di dalam pusat kecemerlangan, Institut Maqasid Syariah (INSMAQ) UNISEL bergerak dengan memulakan agenda Menjalankan Wacana Maqasid berteraskan isu-isu semasa. Wacana pertama telah diadakan dan dibentangkan oleh Tokoh Maqasid Antarabangsa, iaitu Prof Dr Jasser Auda pada Februari 2017 bertajuk : *Education in Maqasid Perspective*. Beberapa wacana bertemakan Syariah dan Pembangunan Ummah sedang di dalam proses penanganjuran dengan kerjasama *International Institute of Advanced Islamic Studies (AIS)*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jabatan Mufti Selangor dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

INSMAQ juga menekankan aspek Penerbitan dan Penterjemahan melalui Buku bertajuk *Negara Madani Menurut Maqasid* tulisan Prof Dr Jasser Auda. Begitu juga Agenda Penterjemahan Karya Agung bertajuk Mausu'ah Qawa'id Fiqhiyyah (Ensiklopedia Kaedah Fiqh) sebanyak 13 Jilid yang sedang giat dijalankan. Sementara itu, UNISEL juga melalui Institut Maqasid dalam rangka menubuhkan Regional Maqasid Resource Centre. Sebagai sebuah pusat yg mempunyai pusat maqasid, UNISEL sedang mengumpulkan bahan-bahan termasuk Buku Turath, Kontemporeri termasuk Jurnal dan kertas kerja yang berkaitan Maqasid Syariah. Pusat ini akan mampu menjadi one stop centre bidang maqasid bagi seluruh IPT di Malaysia.

## **INSTITUT EPISTEMOLOGI ILMU ISLAM DAN PEMBAHARUAN KURIKULUM (IIECR),**

IIECR telah memulakan perjalanan institut ini dengan menganjurkan satu program Perbincangan Meja Bulat dan Syarahan Umum oleh Dr. Ghazali Basri yang bertajuk *Pendidikan Islam: Huraian Konsep dan Aplikasi* yang telah diadakan pada 19 April 2017 di Dewan Canselor, Kampus Bestari Jaya.

Program yang kedua diadakan adalah Staff Enhancement Series 1/2017 yang disampaikan oleh Prof. Dr. Mohamed Aslam Haneef yang bertajuk *Islamic Economics and Finance Education: Issues and Implications* telah diadakan pada 3 Mei 2017 di UNISEL Shah Alam.

Beberapa program lain juga telah dirancang dan akan diadakan tidak lama lagi seperti Kerjasama Seminar dengan Institut Maqasid Syariah, penerbitan monograf Staff Enhancement Series 2/2017 dan sebagainya.

Usaha-usaha di atas secara tidak langsung akan dapat menaikkan nama UNISEL sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan yang menitik beratkan nilai-nilai murni dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

Selain itu, usaha yang dilakukan untuk menaikkan Ilmu Islam juga akan dapat membantu memperkembangkan UNISEL sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan di rantau Asia dan dunia kerana Epistemologi Ilmu Islam adalah sebuah cabang wacana akademik yang sentiasa diberi perhatian oleh sarjana-sarjana Islam di peringkat dunia.

## **INSTITUT KEJURUTERAAN SUKAN (ISE)**

Institut kejuruteraan sukan atau nama singkatannya adalah ISE. Visi bagi ISE adalah untuk menjadi inisiatif inovasi dalam bidang sains fizikal manakala misinya adalah menggembungkan semua sumber dan kecekapan untuk mencabar status quo penyelesaian kejuruteraan dalam sukan ke dalam inovasi untuk mencipta peluang yang baru.

Justifikasi bagi penubuhan ISE adalah merupakan satu peluang yang baik bagi Universiti Selangor untuk mengukuhkan dan menggunakan modal fizikal dan manusia yang menggabungkan peningkatan kerjasama antara sinergi kakitangan, industri dan masyarakat.

Ia memberi keyakinan kepada orang ramai, industri dan pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan dan perniagaan bersama secara langsung dalam kluster perindustrian sukan di mana hasil penyelidikan dapat dikomersialkan dan mencapai pasaran dengan

lebih cepat. Semua sumber yang ada dapat memberi manfaat besar untuk membangunkan penyelesaian kejuruteraan untuk meningkatkan sukan khususnya di Malaysia.

Projek-projek yang dijalankan adalah di bawah semangat kemunculan sukan di mana UNISEL akan menyediakan pengalaman dunia nyata untuk pelajar-pelajar dalam persekitaran kerja masyarakat yang menggunakan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang diperoleh dalam mana-mana projek yang dilaksanakan. Pengalaman penting ini harus menjadi komponen relevan dalam keperluan industri sukan.

Selaras dengan falsafah UNISEL "Leading Transformation" - projek yang dijalankan akan menunjukkan keupayaan pelajar untuk mensintesis dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi di bawah kemudahan dan keperluan sukan ke dalam isu dunia sebenar dan mencabar keupayaan untuk menang.

Objektif projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- A. Untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mensintesis pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dari kursus / program mereka, pengalaman kepimpinan dan penglibatan ko-kurikulum dalam satu projek;
- B. Untuk menyediakan pelajar dengan kualiti kepimpinan di dunia global;
- C. Untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan membenarkan mereka mempamerkan pembelajaran, menyelesaikan masalah dalam dan masalah kemahiran kepimpinan setelah mereka lulus;
- D. Untuk membolehkan pelajar melanjutkan pengalaman akademik kepimpinan mereka ke bidang kepentingan mereka;
- E. Untuk memberi peluang kepada pelajar untuk memperbaiki kemahiran kepimpinan dan sikap yang baik serta menunjukkan kemahiran mereka;
- F. Untuk menunjukkan keupayaan pelajar untuk bekerja dalam kumpulan dan individu untuk mencapai projek sebenar, dan;
- G. Untuk membantu pelajar dalam menapis dan mengasah kepimpinan dalam senario organisasi.

## Komponen-komponen Perniagaan

### A. PUSAT AUTOMOTIF UNI-TAG:

<b>1. Pusat Automotif Akademi</b>	Sebagai pusat menyediakan latihan kemahiran automotif dan “motorsport” dibawah inisiatif TVET
<b>2. Pusat Automotif Servis</b>	Pusat pembangunan, penyelenggaraan dan khidmat kerja bagi komersial dan kenderaan-kenderaan khusus
<b>3. Pusat “Motorbike”</b>	Pusat R&D, penyambungan, penyelenggaraan & servis, dan kerja-kerja “testing” untuk motor lumba, superbike, ATV dan motorbike komersial
<b>4. Pusat “Motorsport”</b>	Pusat R&D, penyelenggaraan & servis & kerja-kerja “testing” untuk kereta lumba
<b>5. Pusat Basikal</b>	Pusat penyelidikan, penyelenggaraan & servis & “testing” bagi “bike” komersial dan pertandingan perlumbaan “road/off road” “bike”
<b>6. Pusat “Motorbike” Elektrik</b>	Pusat untuk eBike dibawah “dealership business model and sales distribution ship”, “authorized maintenance & services centre and R&D activities”
<b>7. Pusat Pembangunan “Parts”</b>	Pusat Pembangunan bahagian automotif dan pelincir
<b>8. Pusat untuk “Parasports”</b>	Pusat Pembangunan peralatan keperluan bagi seseorang yang kekurangan dari segi fizikal dicipta khas dan khusus mengikut keperluan mereka dalam sukan.

---

**B: ACARA & “SPORTS-TOURISM”:**

---

<b>9. “Sports-Tourism”</b>	“Lands for housing sports tourism, motorsport racing circuit, ATV, Motorcross, Go-cart Cycling and watersport activities (Jetski, Flying Board, Power Boat, Maintenance & Services Centre)”
<b>10. Acara Sukan</b>	Kumpulan pengurusan bagi menguruskan dan membantu dalam acara sukan.

---

**INSTITUT KAJIAN PILIHAN RAYA DAN PEMAJUAN DEMOKRASI (IESAD)**

Institute of Electoral Studies and Advancement of Democracy (IESAD) telah dilancarkan pada 27 Februari 2017. Bersempena dengan pelancaran institut ini, sebuah forum yang bertajuk Wujudkah Demokrasi Sebenar di Malaysia turut diadakan dan saya merupakan salah seorang daripada panel jemputan. Sepanjang hampir lima bulan ditubuhkan, institut ini telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah Institut Darul Ehsan (IDE) khususnya dalam menjalankan kajian survei. Dalam aspek penyelidikan, IESAD juga telah menghasilkan Kajian Rintis Analitik Big Data Serta Analitik Sentimen bagi Isu-isu Berkaitan Politik Semasa. Sementara itu, aspek penerbitan juga dititik beratkan dan sehingga kini IESAD telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Islam, Demokrasi dan Politik Bangkangan di Malaysia* dan sebuah Laporan bertajuk Kajian Iklim Politik Pilihan Raya di Sarawak dan Kaitannya dengan Senario Politik di Selangor. Penubuhan institut ini dilihat mampu bagi membantu menghasilkan kajian-kajian dalam usaha untuk menambah baik sistem pilihan raya di negara ini.

**INSTITUT HALAL ANTARABANGSA**

Institut Halal Antarabangsa merupakan institut yang terkini ditubuhkan oleh UNISEL dan turut diletakkan di bawah Pusat Kecemerlangan. Institut ini telah ditubuhkan pada 6 Jun 2017 bersempena dengan Syarahan Profesor Prof. Dato' Dr. Noor Inayah Yaakub yang diadakan di Hotel Concorde, Shah Alam. Institut ini telah mengorak langkah awal apabila telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan Halal International Selangor semasa penubuhannya. Modul Halal Competent Technical Person sedang

diuruskan di bawah Ketua Program Pembangunan Profesional, En Mohd Sholihin Mohamad. Modul ini adalah sebagai TOT untuk pembangunan kapasiti dan profesional industri Halal. Satu pasukan penyelidikan dari UNISEL telah ditubuhkan untuk bidang berkaitan halal secara holistik. Sementara itu, satu perancangan berkenaan lokasi tapak penyelidikan halal di Pulau Indah telah dicadangkan kepada UNISEL oleh Spectrum Sdn Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : BAIK PULIH RUMAH PANGSA KOS RENDAH**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan jumlah Rumah Pangsa Kos Rendah (RPKR) di Selangor yang berada di bawah kawalan kerajaan negeri dan jumlah unit serta penghuninya.
- b) Berapa banyak peruntukan baik pulih RPKR yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk tempoh lima (5) tahun lalu

**JAWAPAN:**

- a) PPR yang berada di bawah kawalan Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) adalah seperti berikut:
  - i) PPR Kota Damansara (Sek. 8, Petaling Jaya)  
Kadar penghuni terkini = 1145 unit daripada 1152 unit
  - ii) PPR Kg. Baru Hicom (Sek. 26, Shah Alam)  
Kadar penghuni terkini = 933 unit daripada 980 unit
  - iii) PPR Seri Kiambang (Serendah) – 300 unit  
Kadar penghuni terkini = 125 unit daripada 300 unit
- b) Peruntukan bagi kerja baikpulih RPKR adalah diuruskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) manakala tanggungjawab PHSSB adalah melibatkan pengurusan dan penyelenggaraan harian bangunan merangkumi mekanikal dan elektrikal, pembersihan dan pengurusan sampah, kawalan keselamatan dan sivil struktur. Berikut adalah senarai kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) seperti di lampiran A.

## LAMPIRAN A

# SENARAI KERJA PEMBAIKAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PHSSB

### PPR KOTA DAMANSARA (MEI 2013 – JULAI 2017)

1. Membaikpulih dan menaiktaraf lif yang sebelum ini hanya satu unit lif sahaja berfungsi di setiap blok dan kerap mengalami kerosakan
2. Membaikpulih “railing” koridor dan tangga yang hilang dan reput
3. Membuat kalibrasi ke atas sistem elektrik
4. Mengecat semula keseluruhan bangunan yang luntur
5. Menaiktaraf dan membina tempat letak motorsikal dan ditambah dengan lampu untuk keselamatan
6. Memasang CCTV
7. Memasang dan mengganti lampu koridor dan lampu tangga yang hilang dan rosak
8. Memasang dan mengganti pintu-pintu bilik sistem elektrikal yang rosak
9. Pemasangan kabel bumi
10. Pemasangan penangkap kilat
11. Membaikpulih pam dan tangki air yang bocor
12. Membaikpulih sistem perpaipan dan “waterproofing”
13. Menaiktaraf padang permainan
14. Membina pagar untuk meningkatkan keselamatan penduduk
15. Pemasangan “barrier gate”
16. Menaiktaraf jalan dan tanda jalan
17. Menanam pokok dan menaiktaraf landskap untuk kehidupan yang lebih kondusif
18. Penggantian tong sampah domestik yang telah uzur
19. Pembersihan dan pemberian unit kosong secara berperingkat
20. Penggantian tingkap tangga dari tingakp “naco” kepada “casement”
21. Membaikpulih penutup longkang yang rosak
22. Membina landskap di laluan masuk PPR
23. Memasang “signage” PPR
24. Pemasangan tile di lobi lif
25. Melaksanakan aduan kerosakan unit dan kawasan umum

### **PPR HICOM (SEPTEMBER 2014 – JULAI 2017)**

1. Membaikpulih dan menaiktaraf lif
2. Membaikpulih tangki yang bocor
3. Pemasangan “barrer gate”
4. Pendawaian semula kabel bumi
5. Pemasangan CCTV di dalam lif
6. Memasang penutup longkang “concrete pre-cast” dan “iron railing”
7. Membaikpulih lampu jalan
8. Membaikpulih “pavement laying”
9. Membaikpulih pagar di kawasan loji kumbahan
10. Membaikpulih loji rawatan kumbahan (STP)
11. Membaikpulih taman permainan
12. Menaiktaraf “line parking” untuk OKU
13. Pembersihan dan pemberian unit kosong secara berperingkat
14. Melaksanakan aduan kerosakan unit dan kawasan umum

### **PPR SERENDAH ( 1 MAC 2015 – JULAI 2017)**

1. Pembersihan unit dan memasang halangan di pintu dan tingkap bagi unit kosong
2. Pemberian unit kosong secara berperingkat
3. Membaikpulih tangki bocor dan rumah pam
4. Membaikpulih pondok pengawal
5. Membaikpulih pagar masuk
6. Melaksanakan aduan kerosakan unit dan kawasan umum

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan kawasan-kawasan hotspot yang menjalankan penggantian paip air lama di Selangor secara terperinci pada tahun 2016 dan 2017.
  - Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan kewangan untuk penggantian paip air lama bagi tahun 2018 dan 2019? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

**JAWAPAN:**

- a) **Tahun 2016**

Bagi tahun 2016, 23 kawasan telah dimasukkan ke dalam program penggantian paip air lama sepanjang 144.5 kilometer seperti berikut:

<b>Hotspot</b>	<b>Pakej</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Daerah</b>	<b>Panjang Paip (KM)</b>
1	1	Gombak Setia	Gombak	2.13
2		Tmn Sri Gombak		3.58
3		Tmn Melawati		9.57
4		Brickfields	Kuala Lumpur	3.93
5		Kg Cheras Baru		3.51
6		Bandar Tun Razak		1
7	2	Seksyen 17, Petaling	Petaling	13.29
8		Kg Sg Kayu Ara		3.75
9		Tmn Cempaka	Kuala Lumpur	2.83
10		Bangsar		5.1
11	3	Kebun Baru	Kuala Langat	6.6
12		Batu 9, Kg Kebun Baru		8
13		Bkt Changgang		12.08
14		Jln Meru	Klang	8.11
15		Persiaran Kayangan		1.08
16	4	Seksyen 5, Bkt Gasing	Petaling	11.14
17		Kg Baru Subang		8.28
18		Kg Tasik Permai	Gombak	10.14
19	5	Tmn Putra Perdana, Puchong	Sepang	10.44
20		Kg Assam Kumbang	Hulu Selangor	3.47
21		Bandar Rinching Seksyen 2	Hulu Langat	4.42
22		Country Heights		8.81
23		Bandar Rinching Seksyen 5		3.24
<b>JUMLAH 2016</b>				<b>144.5</b>

### **Tahun 2017**

Bagi tahun 2017, 34 kawasan telah dimasukkan ke dalam program penggantian paip air lama sepanjang 167.77 kilometer seperti berikut.

<b>Hotspot</b>	<b>Pakej</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Daerah</b>	<b>Panjang Paip (KM)</b>
24	6	Kg Tasek Permai	Gombak	2.91
25		Jln Syed Mansor KKB	H Sgor	1.2
26		Seksyen 3, Shah Alam	Klang	6.11
27		Seksyen 7, Shah Alam	Klang	4.2
28		Tmn Hiew Piow	H Langat	1.78
29		Country Heights 2	H Langat	10.37
30	7	Taman Putra Perdana	Sepang	10.78
31		Desa Pinggiran Putra	Sepang	5.32
32		Kg Limau Manis	Sepang	3.7
33		Tmn Pantai Sepang Putra	Sepang	8.2
34	8	Kg Baru Subang	Petaling	8.4
35		Kg Melayu Subang	Petaling	9.4
36		Tmn Wawasan	Petaling	5.08
37		Taman Bkt Kuchai	Petaling	1.83
38		Kg Desa Aman	Petaling	2.4
39		Tmn Sri Serdang	Petaling	2.5
40	9	Kg Sungai Buaya	K Langat	9.82
41		Kg Sg Kelambu	K Langat	10.92
42		Kg Labuhan Dagang	K Langat	12.69
43	10	Selayang Baru	Gombak	9.62
44		FRIM Kepong	Gombak	8.59
45		Kg Genting Permai Btg Kali	H Sgor	2.6
46		Peringkat 3 Kg Sg Buaya	H Sgor	2.4
47		Kg Lim Tan Rawang	H Sgor	2
48		Jln Besar Kg Keliang	H Sgor	3
49	11A	Shah Alam	Klang	1.4
50		Pelabuhan Klang	Klang	1
51		Seksyen 16, Shah Alam	Klang	0.7
52		Tmn Sri Andalas	Klang	2.45
53		Teluk Pulai	Klang	2.6
54		Jln Menteri Sg Besar	S Bernam	0.5
55		Kg Seri Tiram Jaya Tg Karang	K Sgor	3.6
56		Kg Pasifik Tin Bestari Jaya	K Sgor	1.1
57		Kg Merbau Sempak	Petaling	8.6
<b>JUMLAH 2017</b>				<b>167.77</b>

- b) Peruntukan kewangan untuk program penggantian paip lama adalah melalui pinjaman Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM248.7 juta di mana peruntukan untuk tahun 2017 adalah RM55 juta, tahun 2018 adalah RM100 juta dan tahun 2019 adalah RM93.7 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN LALUAN ALTERNATIF 3/4 TAMAN WANGSA  
PERMAI KE JALAN INDUSTRI DESA AMAN**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tindakan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi surat Perbendaharaan Negeri Selangor bertarikh 23 Mei 2017 dengan rujukan PWN.Sel.(A) 304/2 Jld.3(2). Apakah status permohonan laluan alternatif di jalan tersebut ?
- b) Bilakah kerja-kerja bagi jalan tersebut akan dimulakan ?

**JAWAPAN:**

a,b)

Merujuk kepada surat PWN dengan rujukan PWN.Sel.(A) 304/2 jld 3(2) bertarikh 23 Mei 2017, pihak Majlis Perbandaran Selayang dalam proses penyediaan kertas cadangan kerja bagi mewujudkan Laluan Alternatif Wangsa Permai – Kawasan Industri Desa Aman untuk di bawa ke Mesyuarat MTES.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : SELANGOR LAND BANK**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah simpanan tanah (*Land Bank*) Kerajaan Negeri Selangor mengikut jenis tanah dan pecahan daerah?
- b) Apakah dasar pengurusan tanah Selangor bagi menambah simpanan tanah untuk 20 tahun akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah yang proaktif bagi mengawal dan menyelia tanah-tanah Kerajaan Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, pada ketika ini Kerajaan Negeri tidak menggunakan istilah Land Bank. Sebaliknya, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah membangunkan sistem iaitu Selangor Land Information System (SeLis) untuk menyimpan inventori data tanah-tanah kerajaan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan tanah kerajaan tersebut. Mengikut rekod, berikut adalah pecahan jenis tanah mengikut pecahan daerah:

BIL	DAERAH	VIRGIN LAND (ekar)	LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (ekar)	LUPUT NOTIS 5A (ekar)	LUPUT TEMPOH PAJAKAN (ekar)	TANAH YANG DIRAMPAS (ekar)	TANAH RIZAB (WARTA) (ekar)
1.	KLANG	21.66	32.28	0	5.17	2919.20	833.16
2.	KUALA LANGAT	2660	85.28	25.56	0.16	103.775	219.19
3.	KUALA SELANGOR	1460	40.96	59.84	8.32	583.75	376.34

4.	SABAK BERNAM	3160	205.95	8.36	0.13	22.31	1322.85
5.	HULU LANGAT	557	141.38	15.35	10.87	5.81	3428.49
6.	HULU SELANGO R	1121	273.19	314.86	2.34	1013.93	405.23
7.	PETALING	0	70.90	27.51	36.74	31.34	1000.99
8.	GOMBAK	918.50	21.81	134.28	8.73	116.11	960.66
9.	SEPANG	773.51	83.64	383.60	1.11	40.86	498.03
<b>JUMLAH</b>		<b>10671.67</b>	<b>955.39</b>	<b>969.36</b>	<b>73.57</b>	<b>4837.08</b>	<b>9044.94</b>

**Jumlah keluasan : 26,552.01 ekar**

- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai secara khusus dasar bagi menambah simpanan tanah namun Kerajaan Negeri mempunyai dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan tanah iaitu, pemberimilikan, pajakan tanah rizab, lesen pendudukan sementara, permit mengeluarkan bahan batuan & permit ruang udara, perizaban tanah bagi tujuan awam, dan pembangunan tanah. Dasar pengurusan tanah negeri termasuklah kutipan premium dan cukai yang dapat dipungut secara maksimum bagi menambah hasil kepada Kerajaan Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa keadaan dimana Kerajaan Negeri Selangor boleh untuk memperolehi semula tanah-tanah yang telah diberimilik melalui:
- i. Pengambilan Tanah (Akta Pengambilan Tanah 1960);
  - ii. Luput Tempoh Pajakan;
  - iii. Penyerahan balik Tanah; dan

iv. Pelucuthakan:

- a) Langgar Syarat Tanah (Seksyen 129 KTN);
- b) Kegagalan membayar cukai (Seksyen 100 KTN); dan
- c) Tanah tiada waris.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : INISIATIF HORMAT WANITA (IHW) SELANGOR**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status perlaksanaan IHW?
- b) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk inisiatif ini?
- c) Nyatakan jumlah sasaran peserta IHW?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapa bilangan gangguan bekalan air yang dialami di Selangor setiap bulan bagi 12 bulan yang lepas?
  - Sila huraikan gangguan yang melebihi 48 jam.
  - Apakah kos untuk membaiki semua insiden gangguan yang dihuraikan di atas?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam tempoh 12 bulan yang lepas (Ogos 2016 sehingga Julai 2017) terdapat 32 insiden gangguan bekalan dengan purata 3 kes setiap bulan.

Tahun	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Ogos 2016 - Julai 2017
2017	3	2	0	4	2	2	1						14
2016								4	2	4	4	4	18
<b>JUMLAH GANGGUAN BEKALAN AIR</b>													<b>32</b>

- b) Kebanyakan gangguan yang melebihi 48 jam adalah
- Gangguan bekalan air yang melibatkan henti tugas loji rawatan air adalah disebabkan kekurangan sumber air mentah, pencemaran air, kegagalan peralatan dan gangguan bekalan elektrik.
  - Kerja-kerja kecemasan melibatkan penyenggaraan sistem bekalan air dan pembaikan paip pecah yang bersaiz besar melebihi 1,000 milimeter diameter.
  - Terdapat kerja-kerja penyenggaraan sistem bekalan air secara berjadual dan pengalihan paip secara berjadual oleh Air Selangor dan pihak ketiga (contohnya MRT).

Huraian gangguan bekalan air adalah seperti berikut.

<b>Bil.</b>	<b>Punca Gangguan Bekalan Air</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
1	Penurunan paras kolam perkhidmatan	3	4
2	Paip Pecah	9	8
3	Henti tugas Loji Rawatan Air	6	0
4	Gangguan bekalan elektrik di rumah pam	0	2
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>	<b>14</b>

- c) Kos yang terlibat bagi 32 insiden gangguan bekalan air di atas adalah sebanyak RM5.7 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berikan statistik terkini kes denggi di Selangor mengikut daerah?
- Nyatakan sasaran penurunan kes denggi sehingga Disember 2017?

**JAWAPAN:**

- Laporan situasi Denggi di negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 pada Epid 28 iaitu sehingga 15 Julai 2017 adalah 29,394 kes telah direkodkan. Manakala bagi tempoh yang sama untuk tahun 2016 mencatatkan kumulatif kes sebanyak 33,111 kes. Jumlah kes Denggi bagi tahun 2017 menunjukkan pengurangan sebanyak 11% iaitu sebanyak 3,717 kes berbanding 2017.

Kumulatif kes kematian pula adalah sebanyak 46 kes sehingga 15 Julai 2017 iaitu pengurangan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2016 iaitu pengurangan 2 kes bagi tempoh yang sama. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2016 dan tahun 2017 mengikut daerah.

DAERAH	ME 27/2016	ME 28/2016	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
			2017	2016	2017	2016
Petaling	336	314	9,076	14,033	9	18
Hulu Langat	350	484	9,018	6,798	20	17
Klang	181	162	4,881	5,237	5	6
Gombak	140	144	3,338	3,468	7	2
Sepang	39	40	1,362	1,182	1	1
Kuala Langat	23	21	812	1,034	1	1

DAERAH	ME 27/2016	ME 28/2016	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
Hulu Selangor	26	9	452	733	2	2
Kuala Selangor	11	17	334	432	1	1
Sabak Bernam	6	2	121	199	0	0
JUMLAH	1,112	1,193	29,394	33,111	46	48

- b) Setiap tahun Kerajaan Negeri mensasarkan penurunan kes denggi dan kes kematian di negeri Selangor berbanding tahun sebelumnya memandangkan pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh semua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : RUMAH URUT TANPA LESEN**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah rumah urut yang berlesen dan tidak berlesen di sekitar DUN Gombak Setia?
  - Apakah tindakan yang telah diambil terhadap rumah urut haram menjalankan aktiviti yang tidak bermoral dalam tempoh Jan – Julai 2017?
  - Apakah bidangkuasa Kerajaan Negeri terhadap rumah urut?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah premis yang tidak berlesen di kawasan MPS iaitu 52 premis bagi tahun 2016 dan 20 premis bagi tahun 2017.

PBT MPS DUN GOMBAK SETIA	RUMAH URUT YANG BERLESEN	RUMAH URUT TIDAK BERLESEN
2016	-	09
2017	02	06

- b) Tindakan yang diambil ke atas premis rumah urut haram yang menjalankan aktiviti yang tidak bermoral iaitu dengan menjalankan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM, JAIS, Imegresan dan lain-lain agensi yang berkaitan. Tindakan sitaan barang perniagaan dan premis akan diambil.
- c) Setakat ini, aktiviti rumah urut dikawal melalui **Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (UUK) 2007 (Pindaan 2013)** yang diselaraskan pemakaianya di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Dari segi kawalan pengeluaran lesen, PBT sebagai Pihak Berkuasa Melesen yang diberi kuasa secara bertulis berhak membuat sebarang keputusan berkaitan prosedur lesen operasi dan penguatkuasaan.

Namun demikian, **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)** turut terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu lesen berkaitan dengan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan. Ini kerana, dalam menentukan tatacara dan peraturan yang perlu digunakan bagi mengawal dan mengendalikan aktiviti berkaitan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan PBT memerlukan kerjasama daripada semua Jabatan/ Agensi teknikal. Antara Jabatan/ Agensi teknikal lain yang terlibat adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA).

Dari segi kawalan terhadap operasi rumah urut pula, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu melibatkan jabatan/ agensi mengikut bidang kuasa masing-masing seperti berikut:

- i. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- ii. Jabatan Imigresen Malaysia;
- iii. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
- iv. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- v. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia; dan
- vi. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KONSEP HIJRAH SELANGOR**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah konsep Hijrah Selangor patuh pada syariah?
- b) Nyatakan panel perunding syariah serta ahlinya sekiranya ada?
- c) Adakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat menukar konsep Hijrah Selangor kepada patuh syariah sepenuhnya?

**JAWAPAN:**

- a) Konsep patuh syariah Hijrah Selangor masih belum dapat dipastikan. Satu kajian *Islamic Microfinance* telah dilaksanakan oleh Universiti Teknologi Petronas dari Jabatan Management And Humanities. Kajian ini menyentuh tentang patuh syariah yang telah dilaksanakan dan akan dibentangkan pada Hijrah Selangor dalam masa terdekat.
- b) Sehingga kini, Pihak Hijrah Selangor dalam rundingan untuk melantik panel syariah bagi merangka perlaksanaan konsep Hijrah Selangor.
- c) Pihak Hijrah Selangor dalam proses membuat penambahbaikan pada masa akan datang bagi melaksanakan konsep pinjaman patuh syariah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SZE HAN**  
**(N30 KINRARA)**

**TAJUK : PENGGUNAAN BASIKAL**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah langkah atau rancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan penggunaan basikal sebagai mod pengangkutan?
  - Adakah Kerajaan Negeri telah menentukan agensi atau syarikat yang akan membekalkan perkhidmatan sewaan basikal kepada orang awam?
  - Nyatakan lokasi yang bakal ditawarkan kemudahan sewaan basikal.

**JAWAPAN:**

- a) b) dan c)
- Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor melihat alternatif dan perancangan dalam menggalakkan penggunaan basikal perlu dipertingkatkan sebagai salah satu mod pengangkutan di Negeri Selangor. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai nisbah 40:60 bagi penggunaan kenderaan persendirian di jalan raya berbanding pengangkutan awam iaitu 40 kenderaan persendirian berbanding 60 pengangkutan awam.
  - Untuk tujuan itu, penyediaan laluan dan kemudahan basikal di tempat-tempat strategik seperti kawasan tumpuan ramai, tempat awam yang mempunyai *connectivity* dengan pengangkutan awam lain seperti bas, LRT, MRT atau komuter perlu terlebih dahulu disediakan dan diperbanyakkan supaya mudah untuk didapati serta digunakan bagi urusan harian. Peranan Pihak Berkusa Tempatan amat penting bagi memastikan terdapat kemudahan seperti penyewaan basikal di lokasi-lokasi yang dapat menggalakkan penggunaan basikal sebagai mod pengangkutan.
  - Selaras dengan itu juga, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju menandatangani memorandum persefahaman dengan Kerajaan Tempatan Taipei bagi mewujudkan kerjasama dalam aspek *Smart Transportation* di mana pihak Taipei akan berkongsi pengalaman dan menyalurkan teknologi dalam mengendalikan sistem ‘U-bike’ yang berjaya mendapat sambutan menggalakkan di negara Taiwan. Kerjasama ini dilihat dapat membantu hasrat Kerajaan Negeri yang bercadang untuk membina sistem

penyewaan basikal di Selangor seterusnya meningkatkan penggunaan basikal di kalangan masyarakat.

4. Langkah awal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dalam meningkatkan penggunaan basikal sebagai mod pengangkutan adalah Program Pengangkutan Awam Sekali Seminggu (PPASS). Program ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato Menteri Besar Selangor pada 19 Disember 2016 dan disertai oleh 50 orang penjawat awam di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi pelbagai gred dan jawatan. PPASS merupakan usaha baru dalam menggalakkan penjawat awam untuk berbasikal ke tempat kerja dengan kemudahan *connectivity* pengangkutan awam yang lain seperti bas, komuter, LRT dan MRT. Usaha ini juga sebagai langkah permulaan dalam memupuk semangat dan menjadi contoh kepada masyarakat.
5. Bagi tujuan mempertingkatkan kemudahan laluan basikal di semua PBT, Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor meletakkan sasaran 1000km laluan basikal bagi tempoh lima tahun. PBT disyaratkan untuk menyediakan laluan basikal sekurang-kurangnya 15 kilometer bagi Majlis Bandaraya dan Perbandaran manakala 10 kilometer bagi Majlis Daerah. Walau bagaimanapun, penyediaan laluan basikal adalah menggunakan peruntukan PBT sendiri. Oleh itu, PBT juga boleh meminta setiap pemaju di kawasan-kawasan pembangunan baru untuk membina dan menyediakan laluan basikal sebagai salah satu syarat dalam kelulusan Kebenaran Merancang. Kaedah ini dapat membantu PBT dalam memastikan kemudahan infrastruktur telah tersedia di kawasan-kawasan pembangunan tanpa melibatkan kos yang perlu dikeluarkan oleh PBT sendiri.
6. Pada masa ini, Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan belum menentukan mana-mana agensi atau syarikat yang akan membekalkan perkhidmatan sewaan basikal kepada orang awam mahupun menetapkan lokasi-lokasi yang bakal ditawarkan kemudahan penyewaan basikal tersebut. Ianya masih di peringkat kajian dan penilaian oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan lokasi yang terpilih adalah sesuai dan tepat. Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat Kinrara, Majlis Perbandaran Subang Jaya sedang mengkaji keperluan kemudahan sewa basikal yang ditawarkan oleh syarikat Obike dengan memberikan tempoh percubaan selama dua (2) bulan untuk menyediakan kemudahan penyewaan basikal di kawasan Subang Jaya bagi melihat permintaan serta penerimaan penduduk terhadap perkhidmatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN BANTUAN SEKOLAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah peruntukan bantuan sekolah kerajaan Negeri Selangor kepada sekolah tahniz swasta tidak diselaraskan mengikut jumlah pelajar?

**JAWAPAN:**

- a) Proses penilaian agihan bantuan akan dilihat di dalam beberapa aspek seperti yang berikut :
- i. Permohonan yang dikemukakan lengkap
  - ii. Rekod penerimaan bantuan pada tahun-tahun sebelumnya
  - iii. jumlah pelajar dan guru
  - iv. keadaan kewangan sekolah
  - v. keadaan infrastruktur sekolah.

Senarai permohonan yang lengkap akan di bincangkan di dalam mesyuarat penilaian bantuan sekolah. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengurus Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan ahlinya terdiri daripada Ahli Dewan Negeri atau Pegawai Penyelaras daripada Pusat Khidmat Masyarakat dan secretariat daripada Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia , Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Secara umumnya, penilaian keputusan agihan bantuan sekolah dinilai berdasarkan kaedah yang telah dinyatakan. Namun begitu jumlah agihan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PROJEK PENTERNAKAN LEBAH KELULUT**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peserta di bawah projek penternakan lebah kelulut?
- b) Senaraikan bantuan yang telah diberikan?
- c) Apakah kekangan dan kelemahan projek ini?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peserta di bawah projek ternakan kelulut di Selangor sebanyak 780 orang dengan jumlah 3,036 log kelulut. Sabak Bernam mempunyai jumlah peserta tertinggi iaitu seramai 300 orang dengan 1,560 log kelulut.
- b) Jabatan Pertanian memberi bantuan log kelulut bagi mengembangkan penternakan kelulut, tanaman bungaan bagi sumber nectar, pam penyedut madu, botol dan kotak hive.
- c) Antara kelemahan utama yang perlu diatasi adalah pengeluaran madu kelulut yang tidak konsisten. Oleh itu, Jabatan Pertanian sentiasa memantau dan memberi khidmat nasihat bagi penyediaan sumber makanan kelulut, aspek-aspek teknikal bagi hive kelulut dan kawalan penyakit dan perosak yang boleh mengurangkan pengeluaran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MATLAMAT JANGKA PANJANG PROGRAM HIJRAH**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ukuran keberkesanan program ini?
- b) Berapakah peratusan peningkatan pendapatan peserta program ini?
- c) Apakah strategi HIJRAH bagi melahirkan peserta yang tidak lagi bergantung kepada bantuan yang diberikan?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Hijrah Selangor dengan kerjasama UNISEL / IDE telah merangka satu kajian impak yang akan dilaksanakan pada tahun 2017. Kertas cadangan penyelidikan kepada Kerajaan Negeri telah disediakan.

Walau bagaimanapun, pihak IDE telah melaksanakan satu kajian secara rawak ke atas peminjam Hijrah Selangor Cawangan Sungai Besar pada 14 hingga 15 Mei 2016. Hasil kajian mendapati sebanyak 80.4% mengakui peminjam Hijrah Selangor mampu menghapuskan hutang petani dan nelayan dari pinjaman kepada peraih (orang tengah).

Seramai 8283 orang dengan nilai pinjaman RM 96.3 Juta telah selesai membayar balik dengan baik bagi pusingan pertama. Daripada jumlah ini, seramai 6975 orang (84.2%) telah membuat pinjaman ulangan bernilai besar dan baki 1307 orang (15.8%) tidak keluar dari ahli Hijrah tetapi tidak meminjam (tunggu jika perlu).

Sekiranya peminjam-peminjam ini tidak mendapat pulangan yang baik hasil dari pinjaman Hijrah berkemungkinan mereka akan gagal untuk meneruskan pinjaman ulangan dengan bernilai besar.

- c) Memandangkan Hijrah Selangor baru beroperasi dalam tempoh 2 tahun, kebanyakannya strategi yang dirancang, sedang dirancang dan dilaksanakan adalah berfokus kepada pemberian pinjaman dan latihan kemahiran untuk meningkatkan pendapatan peserta. Hijrah Selangor tidak akan berhenti memberikan bantuan kepada usahawan sehinggalah mereka sendiri tidak lagi memerlukan bantuan tersebut. Pinjaman yang diberikan oleh Hijrah Selangor berteraskan modal pinjaman. Selagi peserta memerlukan modal, pinjaman berterusan akan diberikan bagi memenuhi visi Kerajaan Negeri Selangor untuk melebar luaskan golongan menengah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha kerajaan dalam menangani isu pencemaran sungai.
- b) Apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mengelakkan pencemaran amonia di Sungai Langat berulang?
- c) Apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan selepas ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pencemaran sungai merupakan isu yang kerap kali berulang dan ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air. Bagi mengelakkan isu pencemaran ini berulang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut :
  1. Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) jawatan kuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
  2. Melaksanakan dan mengemaskini inventori punca pencemaran di sungai-sungai dalam Negeri Selangor seperti Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang;
  3. Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan kekeruhan di Sungai Sub dan Sungai Michu, Hulu Langat akibat daripada aktiviti pembangunan/kerja tanah tidak terkawal;
  4. Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air. Bagi di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pada tahun

2016, pembangunan stesen di Sungai Selangor sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan diikuti oleh Sungai Langat bagi tahun 2017;

5. Meningkatkan pengambilan kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS, dan
  6. Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.
- b) Pencemaran ammonia merupakan salah satu isu pencemaran yang menyebabkan henti tugas loji di Sungai Langat. Bagi mengelakkan berlakunya pencemaran ammonia di Sungai Langat berulang, Kerajaan Negeri sentiasa melakukan pemantauan yang rapi terhadap Sungai Langat. Selain itu, Dalam beberapa tindakan telah pun dikenalpasti dan diambil. Antaranya adalah pelepasan air Empangan Sungai Langat, Pengepaman Air Mentah Pahang-Selangor, penyaluran air dari Empangan Semenyih dan aktiviti pembernihian awan di Lembangan Sungai Langat. Walau bagaimanapun, pelepasan air dari empangan ini perlu dikawal bagi memastikan paras empangan tidak jatuh secara mendadak. Selain itu, pelepasan air dari empangan juga perlu bagi memastikan paras air Sungai Langat di weir tidak kurang dari 38.4m.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga telah menggunakan Kolam Orang Asli Bukit Tampoi sebagai sumber air alternatif sekiranya berlaku henti tugas loji akibat pencemaran ammonia. Pensampelan air di kola mini sentiasa dilakukan bagi memastikan airnya mematuhi standard piawaian air mentah kebangsaan.

- c) Pemantauan secara berterusan dan bersepadu perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Ini termasuklah mengemaskini maklumat inventori premis di sepanjang sungai, pemantauan secara berkala, pemetaan untuk dijadikan rujukan dan pembinaan stesen kualiti air di hulu muka sauk atau loji pembersihan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : KILANG HARAM**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kewujudan kilang haram dan perniagaan di tapak kediaman (tanah lot) yang sudah lama dibina, bagaimana mengatasinya
- b) Pemberian kompaun tidak menyelesaikan masalah. Apakah perancangan jangka panjang yang dirancang bagi menyelesaikan masalah tersebut

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG), Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA) DAN Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS) KEPADA DATO' SERI MENTERI BESAR**

**KILANG HARAM**

- a) Nyatakan jumlah dan lokasi kilang haram yang masih beroperasi di Selangor?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada kilang haram tersebut?
- c) Nyatakan jumlah kerugian Kerajaan Negeri akibat kewujudan kilang haram tersebut?
- d) Kewujudan kilang haram dan perniagaan di tapak kediaman (tanah lot) yang sudah lama dibina, bagaimana mengatasinya?
- e) Pemberian kompaun tidak menyelesaikan masalah. Apakah perancangan jangka panjang yang dirancang bagi menyelesaikan masalah tersebut?
- f) Kewujudan berapakah jumlah kilang-kilang haram yang telah diputihkan di Daerah Klang sejak dari tahun 2010 sehingga sekarang?

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG), Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA) DAN Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS) KEPADA DATO' SERI MENTERI BESAR**

Isu berkaitan kilang haram ini menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat. Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab pertanyaan mulut daripada Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang), Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas) dan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya) secara bersekali.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor (JTPKHNS) untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan kilang-kilang haram. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan bancian awal terdapat lebih kurang **3,165** buah kilang.

Setelah semakan semula dibuat hanya **2,998** buah kilang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK hanya **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan dan sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Karajaan Negeri mengambil kira premium tambahan yang belum dilangsaikan sebagai satu bentuk kerugian dan setakat ini sebanyak RM65 juta (bayaran premium tambahan) dianggarkan telah tidak dapat dikutip. Statistik kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor seperti di **Lampiran A** setakat 31 Disember 2015 sahaja. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor tamat pada 31 Disember 2015.

Mesyuarat JTPKHNS yang diadakan pada 24 Januari 2017 telah bersetuju tindakan penguatkuasaan dilaksanakan melibatkan kilang-kilang di sepanjang sungai dan sekitarnya. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada antaranya di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 serta undang-undang di bawah Agensi Kerajaan yang berkaitan.

Kilang-kilang dan perniagaan di atas tapak kediaman adalah melanggar syarat nyata tanah. Bagi mengatasi masalah tersebut, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : MISI PELABURAN ASING**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah negara asing yang dilawati sejak 2013 dalam misi menarik pelaburan asing ke Selangor?
- b) Berapakah jumlah pencapaian pelaburan asing mengikut pecahan tahun sejak 2013?
- c) Adakah kerajaan berpuas hati dengan kemasukan FDI dan apakah langkah diambil untuk meningkatkannya?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh 2013 hingga kini, sebanyak **18 negara asing** telah dilawati dalam misi menarik pelaburan asing ke Selangor.
- b) Berdasarkan statistik projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor sebanyak **RM 13,963,654,390 (RM 13.963 bilion)**, iaitu **42.68%** daripada keseluruhan nilai modal pelaburan adalah daripada pelaburan modal asing. Pecahan nilai pelaburan asing mengikut tahun seperti berikut;-

Tahun	Projek	Peluang Pelaburan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
<b>2013</b>	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	<b>9,833,006,852</b>
<b>2014</b>	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	<b>7,042,259,985</b>
<b>2015</b>	222	14,139	4,182,475,179	3,781,323,681	<b>7,963,798,860</b>
<b>2016</b>	242	16,427	4,529,119,807	3,351,647,567	<b>7,880,767,374</b>
<b>Jumlah</b>	<b>921</b>	<b>69,203</b>	<b>18,756,178,681</b>	<b>13,963,654,390</b>	<b>32,719,833,071</b>

*Sumber : Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia*

*Nota : Statistik pelaburan hanya dari tahun 2013 hingga 2016 sahaja kerana sehingga kini Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017*

- c) Berdasarkan pencapaian prestasi pelaburan sehingga kini, Kerajaan Negeri masih meneruskan usaha untuk menarik pelaburan asing ke Negeri Selangor sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri.

Dalam usaha untuk menjadikan Selangor lebih kompetitif untuk menarik pelaburan domestik dan luar negara, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi. Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama iaitu; -

- i. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*).
- ii. Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipments*).
- iii. Sains Hayat (*Life Sciences*).
- iv. Makanan (Food Industries)
- v. Mesin & Peralatan (*Machinery & Equipments*)

Dari pada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti; -

- i. *E - Commerce*
- ii. *Bio - Teknologi*
- iii. *Aero - Angkasa*
- iv. *Industri Halal*

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan dan menarik pelaburan masuk ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah merangkan beberapa strategi seperti berikut; -

#### **Strategi jangka masa panjang; -**

- i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti; -
  1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  2. Halal International Selangor Council
  3. Selangor Aerospace Council
  4. Bio Tech - Council

- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Pengelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang kondusif dan berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- x. Penganjuran Ekspo dan Forum bertaraf antarabangsa.

**Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaran kawasan perindustrian di setiap PBT.
- vi. Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini rumah ibadat selain Islam yang berdaftar dan tidak berdaftar mengikut agama.
- b) Apakah Kerajaan Negeri meletakkan sebarang syarat untuk pembinaan rumah ibadat selain Islam?
- c) Apakah prosedur pemberian bantuan kepada rumah ibadat tersebut terutama yang tidak berdaftar?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, terdapat sebanyak 795 buah rumah ibadat selain Islam (RIBI) termasuk tokong, kuil, gereja dan Gudwara yang berdaftar dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sementara itu, sebanyak 1,043 buah rumah ibadat selain Islam yang berstatus tidak berdaftar. Berikut adalah ringkasan rumah ibadat selain Islam mengikut kawasan PBT yang berdaftar dan tidak berdaftar di negeri Selangor seperti di jadual berikut :

Ringkasan Rumah Ibadat Selain Islam

BIL	PBT	RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM BERDAFTAR			JUMLAH	RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TIDAK BERDAFTAR			JUMLAH
		TOKONG	KUIL	GEREJA		TOKONG	KUIL	GEREJA	
1.	<b>MBSA</b>	9	21	5	<b>35</b>	13	39	6	<b>58</b>
2.	<b>MBPJ</b>	9	9	15	<b>33</b>	36	43	21	<b>100</b>
3.	<b>MPSJ</b>	9	22	5	<b>36</b>	58	48	25	<b>131</b>
4.	<b>MPKJ</b>	68	64	10	<b>142</b>	0	0	0	<b>0</b>
5.	<b>MPS</b>	8	13	4	<b>25</b>	7	12	0	<b>19</b>
6.	<b>MPK</b>	297	167	13	<b>477</b>	0	0	0	<b>0</b>
7.	<b>MPAJ</b>	3	4	2	<b>9</b>	433	37	27	<b>497</b>
8.	<b>MPSP</b>	6	1	1	<b>8</b>	2	17	0	<b>19</b>
9.	<b>MDKS</b>	2	1	2	<b>5</b>	24	40	5	<b>69</b>
10.	<b>MDSB</b>	0	0	0	<b>0</b>	47	5	1	<b>53</b>
11.	<b>MDKL</b>	1	1	2	<b>4</b>	31	57	9	<b>97</b>
12.	<b>MDHS</b>	10	9	2	<b>21</b>	0	0	0	<b>0</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>421</b>	<b>311</b>	<b>59</b>	<b>795</b>	<b>651</b>	<b>298</b>	<b>94</b>	<b>1,043</b>

b) dan c)

Cadangan pembinaan rumah ibadat selain Islam perlulah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui peraturan-peraturan sedia ada yang berkuatkuasa. Bagi tujuan permohonan pembangunan sesebuah projek oleh pemaju, Kerajaan Negeri menggunakan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang telah diluluskan pemakaian oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memastikan semua pemaju mematuhi Manual Garis Panduan tersebut bagi semua permohonan pembangunan projek yang dikemukakan untuk pertimbangan.